

**NO. SOALAN : 114**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN KHOO SOO SEANG  
[ TEBRAU ]**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah produk-produk pelancongan baharu yang dirangka oleh Kementerian sebagai strategi dalam memastikan kemasukan pelancong domestik dan antarabangsa ke Malaysia, terutama di negeri Johor.

**JAWAPAN :**            **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan produk-produk pelancongan berteraskan eko-pelancongan, pulau-pulau dan pantai-pantai yang indah, beli-belah, sukan dan rekreasi, agro-pelancongan serta taman-taman tema yang menarik jutaan pelancong dari dalam dan luar negara melawat Malaysia setiap tahun. Johor khasnya merupakan sebuah negeri yang mempunyai produk-produk pelancongan yang dinyatakan dan telah berjaya menarik kedatangan ramai pelancong.

Untuk promosi pelancongan negeri Johor, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bekerjasama dengan Jabatan Pelancongan Johor dalam mempromosikan 10 ikon pelancongan di negeri Johor iaitu;

- i. Bangunan Sultan Ibrahim;
- ii. Kota Iskandar;
- iii. Muzium Diraja Sultan Abu Bakar;
- iv. Pulau Rawa;
- v. Pulau Sibul;
- vi. Danga Bay;
- vii. Taman Negara Endau Rompin;
- viii. Gunung Ledang;
- ix. Desaru; dan
- x. Taman Negara Tanjung Piai

Tambahan itu, negeri Johor telah dipromosikan sebagai sebuah destinasi percutian berkeuarga berteraskan taman tema sebagai salah satu tarikan utama di negeri Johor seperti Legoland dan Hello Kitty. Johor juga dipromosikan sebagai destinasi beli-belah terutamanya di Johor Premium Outlet dan Bandaraya Johor Bharu. Di samping itu, Kementerian turut mempromosikan homestay sebagai salah satu tarikan utama ke negeri Johor. Terdapat 21 buah perkampungan homestay di negeri Johor yang dipromosikan untuk pasaran domestik dan antarabangsa.

Pembinaan dua kelab golf iaitu ELS Desaru Coast dan Desaru Valley yang akan beroperasi pada pertengahan tahun 2016 akan menarik lebih ramai para pelancong golf dari dalam dan luar negara ke negeri Johor. Terdapat juga produk-produk pelancongan baru di negeri Johor yang akan dipromosikan seperti Riyadh Equestrian di Ulu Tiram yang menawarkan aktiviti motivasi bersama kuda dan memanah. Ulu Tiram juga turut dipromosikan sebagai destinasi memancing atas rakit kepada para pelancong dari dalam dan luar negara.

Sekian, terima kasih.